
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HST 223 – KEPULAUAN ASIA TENGGARA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada setiap bahagian.

...2/-

Bahagian A [Indonesia]

1. "Raja adalah penyembah berhala, sedangkan pedagang adalah orang Moor". Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, bincangkan faktor-faktor bagaimana agama Islam disebar di Kepulauan Melayu?
2. Sejauh manakah campur tangan VOC (Syarikat Hindia Timur Belanda) dalam pentadbiran tempatan Hindia Belanda telah meninggalkan kesan buruk kepada VOC dan masyarakat pribumi di Pulau Jawa?
3. "Golongan Liberal menuntut supaya Sistem Tanaman Paksa dihapuskan kerana terjadinya penindasan berlebihan ke atas pribumi"? Nilaiikan secara kritis.
4. "Pendidikan telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kebangkitan kesedaran kebangsaan di Hindia Belanda". Nilaiikan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada unsur pendidikan dalam Dasar Etika.

Bahagian B [Filipina]

5. Sejauh manakah wasiat terakhir *Queen Isabella the Catholic* (1479-1504) memainkan peranan penting dalam mengabsahkan penjajahan Sepanyol ke atas Filipina?
6. "Penjajahan Filipina selama 200 tahun pertama hanya membebankan ekonomi dan merugikan Sepanyol." Sejauh manakah pernyataan ini boleh dipertahan?
7. "Gerakan Propaganda (1872-1892) menandakan kemunculan semangat nasionalisme di Filipina". Sejauh manakah anda bersetuju?
8. Sejauh manakah penjajahan Amerika Syarikat ke atas Kepulauan Filipina didorong oleh perasaan peri kemanusiaan?